E ISBN: 978-967-14569-5-8 (Publication Date: 28 October 2021)
UiTM Cawangan N. Sembilan, Kampus Seremban

"ARABIC PRESENT TENSE"

***Suzzana Othman**

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Alor Gajah, Melaka

* Corresponding author's email: suzzana139@uitm.edu.my

ABSTRAK

Kata kerja memainkan peranan penting dalam bahasa Arab untuk membina ayat yang sempurna, lengkap dan bermakna kepada para pembaca dan pendengar. "Arabic Present Tense" ialah kata kerja yang sedang berlaku pada masa sekarang atau akan datang. Ianya merupakan nadi tatabahasa Arab yang perlu dipelajari dan difahami dalam kalangan pelajar bahasa Arab. Objektif penghasilan video "Arabic Present Tense" ini ialah untuk memberi kefahaman kepada para pelajar bahasa Arab tentang penggunaan "Arabic Present Tense" (al-Fi 'l al-Mudari) atau kata kerja yang sedang berlaku dalam perbualan seharian mereka. Video pembelajaran dan pengajaran ini dihasilkan untuk memudahkan para pelajar di era pandemik untuk mempelajari dan melihat secara berulang kali tajuk pembelajaran tersebut. Memuat naik video di saluran Youtube juga merupakan antara cara terbaik untuk pelajar mengakses bahan pengajaran dengan mudah ketika diperlukan. Apabila para pelajar faham konsep penggunaan kata kerja ini maka mudahlah untuk mereka mempraktikkannya dalam pelbagai situasi perbualan harian mereka dan juga dalam penulisan mereka. Para pelajar juga akan lebih berkeyakinan untuk bertutur apabila berhadapan dengan penutur Arab jati.

Kata Kunci: Kata Kerja, Kaedah Bahasa Arab, Kata Kerja Sedang Berlaku

1. PENGENALAN

Penggunaan kata kerja dalam bahasa Arab berpandukan penggunaan kata ganti nama, apabila berlaku perubahan dalam penggunaan kata ganti nama maka berubah pembinaan kata kerja. Oleh yang demikian, faktor perubahan penggunaan kata kerja ini merumitkan para pelajar untuk menggunakan kata kerja yang betul dalam pembinaan ayat pertuturan dan penulisan.

Jika dibuat perbandingan antara kata kerja bahasa Melayu dan bahasa Arab, maka terdapat perbezaan yang amat ketara; contohnya; bahasa Melayu menggunakan kata kerja "*sedang menulis*" tidak kira penutur atau penulis menggunakan apa jua kata ganti nama sekalipun. Manakala bahasa Arab, setiap kali berubah penggunaan kata ganti nama maka berubahlah pembinaan kata kerja. Justeru, inilah isu utama dalam kalangan para pelajar untuk menguasai pembinaan ayat menggunakan kata kerja dalam bahasa Arab.

Maka penghasilan video pengajaran dan pembelajaran ini bertujuan untuk memudahkan para pelajar belajar secara kendiri di zaman pandemik ini. Pelajar boleh mengakses dengan mudah secara berulang kali apabila dikehendaki. Bukan tidak ada video seperti ini dikeluarkan oleh guru yang lain; tetapi pada pendapat penulis, video yang dihasilkan oleh guru mereka sendiri adalah lebih baik, kerana pelajar tersebut telah kenal guru tersebut dan akan terus berhubung dan bertanya jika tidak faham sesuatu perkara.

Tambahan itu juga, Sidek, S., & Hashim, M. (2019) telah menemui lima kepentingan video hasil analisis kajian literatur; iaitu dapat meningkatkan bilangan bacaan dan bahan pengajaran, membantu dalam pengembangan asas pengetahuan pelajar, mengukuh kefahaman, meningkatkan motivasi dan semangat pelajar dan akhirnya meningkatkan keberkesanan pendidik dalam pengajaran. Justeru, video pembelajaran akan menjadi alat bantu mengajar yang berkesan dan mudah diakses. Maka, penghasilan video ini juga diharapkan dapat dipanjangkan kepada rakan rakan pensyarah di semua kampus UiTM dan membantu rakan pensyarah yang tidak berkesempatan untuk menghasilkan video pengajaran dan pembelajaran.

E ISBN: 978-967-14569-5-8 (Publication Date: 28 October 2021)
UiTM Cawangan N. Sembilan, Kampus Seremban

2. MATERIAL DAN KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan analisis perkembangan video pengajaran dan pembelajaran kaedah bahasa Arab yang dimuatnaik oleh pensyarah di saluran Youtube. Dapatan kajian penting untuk membolehkan proses pembelajaran seperti ini direalisasikan oleh institusi pendidikan atau universiti untuk membantu proses pembelajaran secara konvensional iaitu secara bersemuka.

Kaedah ini juga boleh digunakan oleh institusi yang mempraktikkan pendidikan jarak jauh sebagai mekanisme penyampaian bahan pembelajaran (Poon et al., 1997). Oleh yang demikian, kaedah ini merupakan kaedah yang paling sesuai untuk sistem pembelajaran jarak jauh dan terbuka (ODL) yang berlaku pada hari ini kerana kesan pandemik Covid-19. Justeru, komen penonton diukur untuk menentukan keberkesanan video ini.

2.1: Isi Kandungan Video

Tujuan pembikinan video ini ialah menjelaskan kaedah atau tatabahasa yang berfokus kepada katakerja yang sedang berlaku (Arabic Present Tense atau (al-Fi‘l al-Mudarì)) untuk kursus bahasa Arab. Kandungan video ini terdiri daripada idea penulis sendiri dan daripada 2 buah buku teks bahasa Arab. Buku teks tersebut ialah Kitab Al-Munìr 2 dan Communicative Arabic Language For General Purpose-Al ‘Izzatt 1. Bahasa paling mudah digunakan untuk membolehkan para pelajar memahami topik dengan mudah. Kandungan video dimulai dengan petikan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang penggunaan al-Fi‘l al-Mudarì dalam situasi harian, kemudian diikuti dengan kaedah penggunaan al-Fi‘l al-Mudarì dan latihan pengukuhan.

2.2: Video

Grafik, animasi dan muzik yang menarik digunakan dalam pembikinan video ini. Namun, suara yang jelas untuk menerangkan isi kandungan video lebih ditekankan untuk memastikan penyampaian makna tercapai.

2.3: Medium / Saluran

Video dimuat naik di saluran Youtube pensyarah dan pelajar diminta untuk menontonnya. Pautan ke video ialah https://www.youtube.com/watch?v=VAxxhhgtVb0. Para pelajar digalakkan untuk mengemukakan soalan atau komen di ruang komen. Pensyarah akan menjawab soalan tersebut dan menganalisis video berdasarkan komen tersebut untuk menentukan keberkesanan video. Video akan diperbaiki berdasarkan hasil analisis.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

3.1: Kesesuaian / Berterusan

Penerbitan video melalui saluran media sosial seperti Youtube adalah salah satu kaedah terbaik untuk mempromosikan pembelajaran aktif kepada para pelajar di era pandemik ini. Kaedah ini merupakan amalan pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan situasi terkini serta amalan berterusan yang boleh diakses oleh para pelajar dengan mudah.

3.2: Ketepatan Kandungan

Video ini dimulakan dengan dialog untuk memperkenalkan penggunaan al-Fi‘l al-Mudarì dalam situasi kehidupan seharian. Kemudian, diteruskan dengan penerangan khusus tentang kaedah/tatabahasa al-Fi‘l al-Mudarì yang membolehkan para pelajar memahami konsepnya dengan mudah dan jelas. Video ini diakhiri dengan latihan pengukuhan untuk menguji pemahaman para pelajar.

3.3: Realiti / Kejelasan

E ISBN: 978-967-14569-5-8 (Publication Date: 28 October 2021)
UiTM Cawangan N. Sembilan, Kampus Seremban

Kandungan video terpelihara daripada kesalahan ejaan dan kesalahan teknikal, difahami oleh para penonton dan pelajar serta penyampaian idea utamanya jelas. Kebanyakan responden memberikan komen yang positif terhadap video ini. Jadual ini menunjukkan beberapa maklumbalas pelajar:

Responden	Penyataan
R1	*Penerangan tersebut teliti dan mudah difahami.*
R2	*Penerangan yang jelas dan mudah difahami.*

3.4: Kualiti Produk / Video

Isi kandungannya dapat difahami dan jelas serta boleh mewujudkan pembelajaran interaktif, mudah dilayari dan kualiti video dan audio juga baik.

3.5: Aksesibiliti / Kebolehcapaian

Video ini mudah difahami dan senang diakses oleh penonton, transkrip dan terjemahan juga disediakan. Jadual 1 menunjukkan video ini mendapat 264 tontonan sejak dimuat naik pada 27 Ogos 2021, dengan 24.5 peratus penonton adalah lelaki dan 75.5 peratus adalah wanita. Seramai 84 orang menyukai video ini daripada jumlah 264 tontonan tersebut.

Jadual 1: Jumlah tontonan dan "likes"

Tontonan	"Likes"	Lelaki %	Perempuan %
278	84	24.5	75.5

3.6: Interaktiviti

Video ini mudah digunakan dan mendorong pengguna untuk melihat berkali-kali dan kandungannya sesuai untuk pembelajaran interaktif.

3.7: Lesen & Hakcipta

Fail sumber tersedia dan boleh diakses untuk penyuntingan pada bila bila masa dan di mana mana sahaja. Hakcipta iaitu "Standard YouTube License".

4. SUMBANGAN, KEGUNAAN DAN NILAI KOMERSIAL

4.1: Sumbangan

Video ini boleh digunakan sebagai alat pengajaran untuk para pensyarah dan sesuai dalam mod pembelajaran dalam talian. Selain itu, ini juga sejajar dengan keadaan semasa bahawa kebanyakan institusi pendidikan beralih ke mod ini kerana pandemik Covid-19.

4.2: Kegunaan

Video ini akan digunakan untuk mengajar kaedah atau tatabahasa yang berkenaan dengan "Arabic Present Tense" atau "Kata Kerja Yang Sedang Berlaku" dalam kursus bahasa Arab, khusus di seluruh cawangan UiTM dan seluruh pusat pengajian di Malaysia amnya. Video ini berguna untuk menjelaskan kaedah atau tatabahasa yang disertai dengan pelbagai contoh yang sesuai dengan situasi harian yang mudah difahami oleh pelajar. Dengan mempelajari penggunaan tatabahasa yang betul dapat membantu

E ISBN: 978-967-14569-5-8 (Publication Date: 28 October 2021)
UiTM Cawangan N. Sembilan, Kampus Seremban

pelajar membina ayat yang jelas, menarik, dan tepat. Penggunaan tatabahasa yang tepat juga memberi lebih keyakinan kepada pelajar untuk berkomunikasi secara bebas, tiada beban dan ragu ragu.

4.3: Pembaharuan/Penambahbaikan (Novelty)

Video pengajaran dan pembelajaran yang dimuat naik ke saluran Youtube ini ialah percubaan untuk mengutarakan satu kaedah alternatif yang relevan dengan perkembangan teknologi terkini untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Video atau produk ini menggabungkan bentuk, makna dan penggunaan dalam suasana pengajaran dan pembelajaran. Video ini boleh memberikan kefahaman yang lebih luas dan mampu mempengaruhi kemajuan pelajar dalam mempelajari bahasa ketiga. Video ini juga menghasilkan pengajaran yang berkesan bagi pelajar untuk menerapkan pengetahuan dalam pelbagai bidang seperti budaya, kesihatan dan makanan orang Arab.

4.4: Praktikaliti

Pelajar dapat mempraktikkan Kata Kerja Yang Sedang Berlaku / "Arabic Present Tense"/ (al-Fi'l al-Mudari) secara lisan pada bila-bila masa. Pelajar juga lebih mudah dan berkeyakinan untuk berkomunikasi dengan jelas apabila memahami dengan baik penggunaan kaedah bahasa Arab Kata Kerja Yang Sedang Berlaku / "Arabic Present Tense"/ (al-Fi'l al-Mudari). Pelajar juga dapat mengelakkan kesalahan yang menjadikan bahasa Arab mereka asing bagi penutur asli.

4.5: Pengkomersialan

Video ini merupakan alat bantu mengajar kepada para pensyarah terutamanya kepada para guru dan pensyarah yang mengajar subjek bahasa Arab di peringkat rendah, sederhana dan tinggi di seluruh Malaysia, Indonesia yang mana menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Para pelajar dapat mengakses video dengan mudah dan selesa serta sesuai dengan situasi semasa melalui medium Youtube. Video ini juga boleh membantu para pelajar untuk memahami kaedah bahasa Arab dengan mudah dan secara tidak langsung pelajar boleh menggunakannya dalam situasi harian kehidupan mereka.

5. KESIMPULAN & CADANGAN

Hasil kajian literatur dan kaedah pengajaran & pembelajaran yang penulis amalkan sejak bermula pandemik Covid19 pada Mac 2020, didapati bahawa penggunaan video berkesan dalam kalangan pelajar kerana kebolehcapaian yang paling mudah di mana mana dan bila bila masa sahaja berbanding dengan penggunaan kaedah lain secara "live" seperti Google Meet. Kaedah secara langsung atau "live" juga perlu dilaksanakan untuk mewujudkan rasa kehadiran guru dalam situasi pembelajaran dan pengajaran para pelajar. Namun kekangan seperti akses rangkaian internet dan data internet serta masalah peranti ketika pembelajaran atas talian sedikit sebanyak mengganggu konsentrasi pelajar dalam mengikuti P&P dalam talian. Justeru dengan merekod aktiviti P&P ketika "live" serta dengan kreativiti guru menjadikan video tersebut lebih menarik, kemudian memuat naik ke saluran Youtube contohnya, sangat membantu pelajar mengakses dengan mudah di mana mana dan bila bila masa sahaja.

Oleh yang demikian, teknologi pembelajaran berasaskan video ini membuka banyak peluang baru untuk diterokai oleh guru dalam meningkatkan potensi pembelajaran pelajar. Untuk merealisasikannya, guru boleh mendapatkan latihan yang sesuai tentang cara menghasilkan video dalam pengajaran. Guru juga boleh menjalankan kajian tentang kriteria-kriteria yang perlu ada bagi sesebuah klip video yang hendak digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan klip video yang dihasilkan efektif dan berimpak.

RUJUKAN

E ISBN: 978-967-14569-5-8 (Publication Date: 28 October 2021)
UiTM Cawangan N. Sembilan, Kampus Seremban

Azniwati Abdul Aziz (2020). Keberkesanan video pembelajaran dari perspektif pelajar. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020),* Universiti Sains Islam Malaysia, 673-682. https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6820

Poon, S. K., Reed, S. & Tang, C. (1997). Problem-based learning in distance education. *Proceedings of the 5th International Conference on Modern Industrial Training*, Jinan, China, 593-600. https://www.academia.edu/37043322/Problem Based Learning in Distance Education

Rahil Mohd Ghazali & Harun Baharudin (2016). Penggunaan aplikasi youtube dalam kemahiran Mendengar bahasa Arab pelajar. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016 21-22 Mei 2016.* Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. https://www.researchgate.net/publication/303408707_Penggunaan_Aplikasi_YOUTUBE_Dalam_Kemahiran_Mendengar_Bahasa_Aran_Pelajar

Rahimi Bin Md. Saad, Zawawi Bin Ismail & Wan Nordin Bin Wan Abdullah (2005). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Web.
http://www.ipbl.edu.my › penyelidikan › rahimiUM

Sidek, S. & Hashim, M (2019). Pengajaran berasaskan video dalam pembelajaran berpusatkan pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 3, 24-33. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/2606

Ng Kee Chuan. Kajian tindakan: suatu usaha mencari dan menyampaikan makna. https://www.academia.edu/10380097/KAJIAN_TINDAKAN_SUATU_USAHA_MENCARI_DAN_MENYAMPAIKAN_MAKNA

Norasiah Yunus, Fauzi Azmi, Mohd Zaki Abdul Latiff dan Siti Nurfiza Abdul Alahdad. (2014). Kitab Al-Munìr 2. Universiti Teknologi Mara Malaysia.

Siti Nurfiza Abdul Alahdad, Mohd Zulkhairi Abd Hamid dan Muhammad Faisal Hashim. (2016). Communicative Arabic Language for General Purpose- Al ‘Izzatt 1. Ibrahim Publishing.